

# Dr M: Cakap sebarangan yg timbulkan bahaya besar

Bellau berkata, taraf pengurusan di Malaysia adalah baik dan lengkap walau apa golongan dan latar belakangnya sekalipun.

Bercakap mengenai suasana pelaburan di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan tentang betapa rapatnya hubungan daya pengeluaran dengan suasana pelaburan.

Bellau mengemukakan tujuh perkara sebagai yang penting ditimbang dan dilaksanakan dalam usaha mewujudkan suasana pelaburan yang baik, bukan saja menarik para pelabur tempatan, juga dari asing.

## Sumbangan

Antara perkara-perkara yang disebut, kata bellau, suasana politik merupakan yang terpenting sekali dengan disusuli oleh kestabilan ekonomi dan daya pengeluaran.

Katanya, sebuah kerajaan yang mengutamakan pelaburan tidak dapat memberi sebarang sumbangan ke arah suasana pelaburan yang baik jika kedudukan politiknya tidak stabil dan sering terbayang ia boleh kehilangan kuasa pada bila-bila masa pun.

Katanya, Kerajaan yang sering mengubahkan dasarnya juga tidak mendedahkan sebarang faedah atau menggalakkan pelaburan yang sihat.

Menyentuh tentang daya pengeluaran, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata para pelabur tidak menanamkan modalnya di sesebuah negara semata-mata berlabur atau berniat untuk melakukan kebajikan.

"Pelabur menanam modal kerana mereka mahu mencari keuntungan dan keuntungan sering berkaitan dengan daya pengeluaran.

Daya pengeluaran yang tinggi, tambah bellau, akan memberi sumbangan untuk mewujudkan suasana pelaburan yang baik dan jika daya pengeluaran rendah, maka pelaburan juga kurang.

MAC 1978

## KUALA LUMPUR, Rabu.

rangan bahawa golongan tertentu kurang berkebolehan atau kurang daya pengeluaran daripada golongan lain adalah sesuatu yang sungguh bahaya.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi amaran demikian ketika berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Daya Pengeluaran Malaysia di Pusat Daya Pengeluaran Negara di Petaling Jaya di sini.

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini memberi amaran tentang bahaya 'bercakap sebarangan' mengenai golongan tertentu di Malaysia dan kebolehan pengeluarannya berhubung dengan latar belakang mereka.

Tegas bellau, cakap seba-